

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**TAWARAN LESEN PERUSAHAAN INDUSTRI TANGKAPAN PERIKANAN
DI KAWASAN-KAWASAN LAUT DALAM ZON 2 DAN ZON 3 DI PERAIRAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memaklumkan bahawa adanya kekosongan lesen-lesen bagi perusahaan di Sektor Industri Tangkapan Ikan di Kawasan-Kawasan Laut Dalam Zon 2 dan Zon 3 di perairan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempelawa syarikat-syarikat yang berminat dan memenuhi kriteria yang disenaraikan untuk memohon tawaran tersebut:

1. Pemohon-pemohon mestilah terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam;
2. Mempunyai sijil perniagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam; dan
3. Sebutharga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat;
4. Yuran sebanyak \$5.00 bagi satu borang permohonan adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemohon. Pembayaran borang permohonan bolehlah dibuat di Tingkat Bawah, Seksyen Kewangan, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja:

Jam Operasi Kaunter Pembayaran

Isnin – Khamis dan Sabtu : 8.15 pagi – 11.30 pagi
: 1.30 petang – 3.00 petang

5. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan/Pasport dan Daftar Pemilik Syarikat hendaklah disertakan bersama ketika mengambil dan menghantar borang permohonan.
6. Untuk keterangan lanjut dan mendapatkan borang permohonan, pemohon-pemohon bolehlah menghubungi di alamat berikut. Borang permohonan beserta kertas cadangan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat yang sama iaitu:

**Peti Sebutharga,
Jabatan Perikanan,
Di Bangunan Jabatan Perikanan,
Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara BT1728,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,
Negara Brunei Darussalam
Tel: 2770068 / 2770069**

7. Tarikh tutup menerima permohonan ialah pada **HARI KHAMIS, 19 OGOS 2021, JAM 2.00 PETANG.**
8. Satu **SESI TAKLIMAT** mengenai perkara di atas akan diadakan pada **HARI SABTU, 14 OGOS 2021, JAM 9.00 PAGI** bertempat di Bilik Isyraq, Blok E, Kompleks Perikanan Muara, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Kampong Serasa, Muara.